



**BAHAGIAN HAL EHWAL PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan eP Enabled yang masih dibenarkan membuat tawaran untuk membekal perkara seperti berikut:

NO. TAJUK TENDER	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN TENDER DIPEROLEHI	TARIKH TENDER DITUTUP (12.00 TGH)	HARGA DOKUMEN (RM)
BHEPMM/JPM/ABM/T08/2014 TENDER PERKHIDMATAN SEWAAN RANGKAIAN TALIAN <i>INTERNET</i> PROTOCOL – VIRTUAL PRIVATE NETWORK (IPVPN) BAGI SISTEM PENGAWASAN MARITIM (LAUT) SABAH	210105	5 Mei 2014	29 Mei 2014	Secara e-Perolehan

1. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai tender ini hendaklah membuat Pengesahan Tender di Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Pembangunan & Perolehan, Tingkat 12, One IOI Square, IOI Resort, Putrajaya mulai **5 Mei 2014** pada waktu pejabat. Petender hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa membuat pengesahan tender.

Sesi Taklimat Tender akan diadakan pada ketetapan berikut:-

Tarikh : 8 Mei 2014 (Khamis)
Masa : 2.30 petang
**Tempat : Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Wisma WB, SEDCO Industrial Estate
Batu 5 1/2, Jalan Kelombong
88450 Kota Kinabalu, Sabah.**

2. Tawaran Harga dan Teknikal yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan sebelum atau pada **tarikh tutup tender yang ditetapkan jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat berlakri dengan mencatatkan Nombor Cadangan, Nombor Tender, Tajuk Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 12, One IOI Square, IOI Resort, Putrajaya sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari tarikh tutup tender.
3. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di laman web <http://bhepmm.mmea.gov.my> dan <http://www.mmea.gov.my>.